



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliiyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Ditendang Lagi!

Che Nooryohana Zulkifli

UiTM Cawangan Permatang Pauh, Pulau Pinang

Pada pertengahan tahun 1999, aku diterima masuk, banyak cerita aku dengar mengenai universiti yang satu ini. Salah satunya adalah mengenai para pelajarnya yang sukar untuk habiskan pembelajaran mereka kerana menghadapi masalah dengan kelas Bahasa Arab yang diwajibkan ke atas semua pelajar. Pada hematku, ia akan menjadi lebih mudah sekiranya kesemua pelajar mempunyai sedikit asas mengenai bahasa itu. Bagi pelajar yang datang dari sekolah biasa (bukan sekolah aliran agama), bahasa ini sangat asing. Betul, kita bukannya tidak biasa membaca ayat yang menggunakan huruf itu. Kita mengaji Al-Quran dari kecil dan ianya tidaklah sesusah yang disangka, tetapi yang ini lain dari kebiasaan! Ya, huruf masih sama. Simpulan tulisan juga masih sama tetapi kenapa semua tidak berbaris? Makna yang dihasilkan melalui perbezaan baris juga tidak sama! Parah!

Pagi itu Ustaz Mukhriz melangkah masuk dengan beg dan buku penuh di tangan. Kami semua kembali ke tempat duduk masing-masing dan cuba untuk bernafas dengan lebih tenang. Teks itu sangat pendek tetapi proses membacanya cukup untuk menaikkan suhu badan. Rasa takut dan rimas, dan tidak kurang juga rasa loya setiap kali menghadap buku itu. Rasa marah juga meluap-luap kerana Ustaz Mukhriz telah memaksa kami semua untuk menghafal teks tersebut tanpa sebarang bantuan daripadanya terlebih dahulu.

Aku sangat keliru. Entah yang mana yang berbunyi 'ta', yang mana bunyinya 'ti' dan yang mana berbunyi 'tu'. Bagaimana pula sekiranya perkataan itu mempunyai tanda syaddah atau tanwin? Aku beristighfar panjang. Sekali-sekala bibir ini mengomel-ngomel juga mengenai Ustaz Mukhriz. Baik, aku mengaku, bukan sekali-sekala, malah banyak kali sehingga terbiasa.

Setibanya waktu pembentangan, seperti yang dijangka, banyak sungguh teguran Ustaz Mukhriz ke atas sebutan kami. Masa yang diambil sepatutnya hanya 10 minit berlanjutan sehingga setengah jam dek kesalahan yang bertalu-talu.

Usainya kelas Arab pada hari itu, rakan kelasku, Junainah berasa tidak sedap perut. Rupanya dia sangat cemas ketika pembentangan sebentar tadi dan aku terpaksa menemaninya ke tandas. Kepalanya pening dan belum lagi sempat kami melangkah ke ruang tandas, Junainah membongkok dan termuntah di kakinya sendiri. Jadi terpaksa aku memapahnya ke sinki dan setelah selesai kesemua isi perut diluahkan, dia menangis teresak-esak. Dia luahkan rasa tertekan yang memuncak setiap kali perlu hadir ke kelas Arab bersama Ustaz Mukhriz. Aku sangat memahaminya. Aku fikir aku mempunyai satu jenis kulit tebal di muka. Pelajar lain ada yang menangis ketika dimarahi dan dimalukan di dalam kelas, namun aku hanya tergelak-gelak dan kadangkala aku ajuk cara Ustaz Mukhriz memarahi kami. Aku tahu beliau tidak suka, tapi sekiranya aku tidak gembirakan diri sendiri, aku yakin kewarasan diri akan pudar hari demi hari.

Pada minggu seterusnya, Ustaz Mukhriz membawa kami sekelas ke bilik tayangan yang terletak di perpustakaan. Aku sengaja melambat-lambatkan langkah sehinggakan Junainah terpaksa menarik tanganku untuk bergerak dengan lebih pantas. Setibanya di bilik tayangan,

aku betul lagi, Ustaz Mukhriz memainkan satu filem Arab dan kami perlu membuat sinopsis mengenainya selepas itu. *Baik! Jadi, di manakah sarikatanya? Tidak disediakan! Sangat bagus!*

Kesemua pelajar kelihatan bersungguh-sungguh dengan buku dan pen di tangan. Ya, aku faham. Mereka sangat takut. Junainah mengajak aku untuk duduk lebih rapat dengan skrin supaya dapat mendengar butir-butir kata dalam filem itu dengan lebih jelas. Tetapi aku dapati, semakin aku cuba untuk menyukai kelas ini, semakin tebal rasa meluat bergumpal di dalam hati. Sama sekali aku tidak membenci bahasa Allah dan Rasulullah ini, tetapi cara pengajaran seperti ini telah menjadikan aku berasa kebas dan tidak peduli dengan apa-apa sekalipun.

Adakah aku takut sekiranya aku gagal kursus ini? Tidak. Aku akan mengulanginya semula. Adakah aku takut dimarahi oleh Ustaz Mukhriz sekiranya keputusan peperiksaan aku teruk? Tidak, kerana ianya bukan salah aku.

Junainah menjadi semakin mendesak pada hari itu. Dipaksanya aku duduk betul-betul di depan skrin sehingga aku rasa matakku sedikit berpinar. Aku terpaksa berkata 'tidak mahu' dan aku lari ke kerusi paling belakang. Junainah seboleh-bolehnya mahu aku duduk di sebelahnya. Aku kira dia berasa lebih yakin dan kurang cemas apabila aku ada di sisinya. Setiap kali Ustaz Mukhriz mengeluarkan kata-kata yang berunsur rungutan terhadap prestasi kami, boleh dikatakan kesemua pelajar akan diam dan tunduk. Namun, aku sentiasa akan cuba untuk menceriakan suasana dan jadikan rungutan tersebut sebagai satu gurauan. Pernah sekali ketika Ustaz Mukhriz merungut panjang, aku menyampuk dan mengangkat tangan, 'Ustaz, ustaz mesti laparkan? Itulah sebabnya ustaz banyak cakap hari ini'. Aku berkata sambil tergelak-gelak. Rakan-rakan lain pula cuba untuk menahan ketawa.

Yang peliknya, Ustaz Mukhriz tidak pernah memarahi aku. Paling teruk dia akan cakap, 'kamu ini ada sahaja jawapan yang menyakitkan hati saya'. Mungkin kerana apabila dia cuba untuk mendapatkan respons pelajar di dalam kelas, hanya aku yang bersuara dan memberikan kerjasama yang baik. Aku kira itu adalah cara aku untuk menghargai usaha para guru ketika berada di dalam kelas. Oleh sebab itu, setiap kali dia ajukan soalan, seboleh-bolehnya dia akan memanggil namaku untuk berikan jawapan, hatta betapa bodoh jawapan aku pada waktu itu. Boleh jadi juga pelajar lain takut dimarahi sekiranya jawapan yang diberikan adalah salah dan tidak tepat. Ya, Ustaz Mukhriz sememangnya seorang yang beremosi dan mudah marah. Tetapi aku tidak peduli, salah atau betul, aku masih boleh menumpukan perhatian. Ketika jawapan aku salah, aku hanya ketawakan kebodohan diri sendiri dan akhirnya, Ustaz Mukhriz dan pelajar lain juga turut ketawa.

Ketika filem itu dimainkan, Ustaz Mukhriz menikmatinya dengan penuh khusyuk. Memanglah dia seronok. Dia faham. Kami semua bagaimana? Junainah yang pada mulanya cuba untuk bertahan di hadapan akhirnya bangun untuk duduk bersamaku di belakang kelas. Aku hanya tersenyum sinis. Tiba-tiba Ustaz Mukhriz menghentikan filem tersebut dan menyuruh kami mengeluarkan buku teks yang biasa kami guna ketika di kelas. Kesemua pelajar nampaknya sudah bersedia dengan buku tersebut, kecuali aku. Aku terpaksa meminta kebenaran untuk keluar seketika kerana buku tersebut berada dalam beg yang aku letakkan di luar perpustakaan. Apabila berada di luar bilik tayangan, aku rasa ini adalah masa yang tepat untuk aku terus pergi ke tandas supaya aku tidak perlu keluar berkali-kali.

Setelah buku teks diambil, aku berjalan semula ke bilik tayangan. Aku melalui beberapa rak buku yang berbentuk fisyen. Aku sememangnya gilakan buku sebegini. Ketika aku berusia dua belas tahun, aku pernah dimarahi oleh ibuku kerana tidak makan seharian dek cuba untuk menghabiskan satu novel puntianak berbahasa Inggeris. Aku tidak keluar bilik dari pagi membawa ke petang sehinggakan ibuku terpaksa menarik novel tersebut daripada tanganku kerana bimbang aku akan alami gastrik sekiranya berlapar dengan lebih lama lagi.

Aku dapati aku tidak berdaya untuk meneruskan langkah kakiku ke bilik tayangan tanpa menyinggah di rak buku fisyen tersebut seketika. Mataku melilau laju mencari sesuatu yang menarik perhatianku. Tiba-tiba mataku mendarat di atas senaskhah buku yang berbentuk jenaka dan mempunyai banyak ilustrasi dan lukisan menarik di dalamnya. Aku menjadi sangat teruja. Aku cuba membaca perenggan pertama. Penulis bercerita mengenai pengalaman beliau bersama seekor ayam jantan yang berkokok tanpa henti, seolah-olah mahu mencari perhatian orang di sekelilingnya. Berbekalkan ilustrasi yang menarik dan imaginasi diri yang tinggi, hatiku bagai digeletek. Aku cuba untuk menahan tawaku yang sekiranya dilepaskan boleh mencetuskan kejutan di perpustakaan tersebut. Aku tidak mampu untuk meletakkan buku itu semula, jadi aku membawanya bersama buku teks Arab yang diminta oleh Ustaz Mukhriz.

Setibanya aku di bilik tayangan, aku agak terkejut melihat bilik itu sudah gelap dan filem dimainkan semula. *Adakah Ustaz Mukhriz sudah selesai menggunakan buku teks itu kerana aku hilang dari situ agak lama? Bagus!* Aku sudah tiada rasa untuk belajar pada hari itu. Hatiku bagai melompat-lompat setelah mendapatkan buku tadi di genggamannya. Junainah menarik tanganku dan bertanya ke manakah aku pergi sebentar tadi. Aku hanya tersenyum dan menunjukkan buku jenaka itu kepadanya. Junainah yang aku kira sudah agak pening berada di situ sekian lama terus mengalihkan pandangannya ke arah buku jenaka itu.

Dengan penuh dedikasi, kami membaca buku itu bersama-sama dan aku terpaksa tundukkan kepalaku berkali-kali kerana cuba untuk menahan ketawa. Penulis ada ceritakan insiden ketika memanjat pokok dan mengejar itik di kampungnya. Cara penulisannya amatlah lucu dan jika memori aku masih baik, aku rasa lebih sepuluh mukasurat kami habiskan pada masa itu. Sedang asyik aku dan Junainah berada dalam alam fantasi yang penuh dengan pelangi berwarna-warni, tiba-tiba satu sosok tubuh berdiri tegak di depan kami dan merampas buku itu dari tanganku. Tidak sempat aku berkata apa-apa, Ustaz Mukhriz berkata dengan tegas, 'keluar sekarang!'

Aku tersentak dan menjawab dengan nada yang nyaring, 'ya, boleh sangat!' dan segera bangun dan meninggalkan bilik tayangan. *Menyampah!*

Aku dan Junainah laju menuruni tangga perpustakaan itu dan kami tidak berkata apa-apa sehinggalah aku terdengar tangisan Junainah. Tiada apa yang aku mahu katakan pada waktu itu. Malas juga aku memujuknya. Aku berasa sangat geram pada waktu itu. *Perlukah dia nak marah kita buat kerja lain dan memaksa kita untuk menonton filem tersebut sedangkan sepatah perkataan pun tidak difahami? Sangat tidak masuk akal dan syok sendiri! Apa yang dia cuba buktikan?*

Pada hari berikutnya, aku sengaja untuk tidak bangun awal untuk ke kelas Arab. Memang aku sedang marah dan rajukku agak lama, jadi aku tidak rasa mahu hadir ke kelas pada hari itu. *Salah aku ke? Mungkin ya, tapi alasan aku kukuh.*

Ketika aku masih lena diulit mimpi, tiba-tiba aku dikejutkan dengan tangisan yang sangat kuat. Dengan susah payah aku cuba untuk membuka mata dan terkejut melihat Junainah di sisiku dan menangis teresak-esak. Junainah tinggal di blok sebelah dan kami sangat jarang bertembung kecuali ketika waktu kelas. Jadi, akalku pada waktu itu tidak dapat mengenal pasti apakah masalah dia pada kali ini. Dalam sedut sedan, dia cuba menjelaskan yang Ustaz Mukhriz tidak membenarkan dia masuk kelas dan dia 'ditendang' keluar lagi. *Lagi sekali?* Yang lebih memalukan, Ustaz Mukhriz memarahinya di depan kelas dan semua orang kini sudah tahu yang dia adalah seorang pelajar yang bermasalah.

Tiba-tiba aku dijentik rasa bersalah. Junainah adalah pelajar yang baik dan perkara seperti ini tidak sepatut berlaku kepadanya. Cuma apabila dia banyak menghabiskan masa

denganku, sedikit sebanyak sikapku yang suka bertindak melulu mempengaruhi pemikirannya. Aku rasa aku perlu betulkan keadaan ini.

Jadi, pada kelas seterusnya, aku dan Junainah cuba untuk hadir dan tekad untuk meminta maaf daripada Ustaz Mukhriz. Aku digigit-gigit rasa bersalah kerana mengheret Junainah bersamaku. Maka, aku terpaksa mengalah dan betulkan keadaan demi kawanku ini. Namun, belum sempat kami mendekatinya, dia menunjukkan jarinya ke arah pintu dan mengarahkan kami untuk keluar daripada kelas. Tapi pada kali ini dia menetapkan satu syarat. Kami perlu berjumpa dengan Ketua Jabatan Bahasa Arab dan mendapatkan tandatangan beliau untuk hadir semula ke kelas. Kami akur dan terus beredar dari situ.

Junainah menjadi semakin resah dan tidak henti mengomel mengenai segala kemungkinan buruk yang bakal berlaku ketika bertemu dengan ketua jabatan kelak.

Pada pagi itu, kami akhirnya tiba di bilik ketua jabatan. Ustaz Zain namanya. Dari mula kami berada di situ, beliau hanya tersenyum. Beliau berkata, 'Ustaz Mukhriz tendang keluar kelas ke? Tidak apa, mari saya tandatangan surat kamu dan selepas ini, kamu boleh masuk kelas seperti biasa'.

Ianya seperti mimpi. Mengapakah ianya sangat mudah? Mengapakah Ustaz Zain tidak mempersoalkan kesalahan kami? Mengapakah Ustaz Zain tidak menghukum, atau sekurang-kurangnya menegur kami? Nampak sangat Ustaz Mukhriz itu mengada-ngada!

Aku dan Junainah membawa surat itu ke kelas seterusnya. Hampir dua minggu kami tidak hadir ke kelas dan sudah tentu banyak pelajaran yang sudah terlepas. Aku arahkan Junainah untuk serahkan surat tersebut kepada Ustaz Mukhriz. Ketika daun pintu dibuka, Ustaz Mukhriz baru sahaja memasuki kelas dan sedang mengeluarkan bahan-bahan pengajaran daripada begnya. Junainah berjalan ke arahnya dan menyerahkan surat itu. Aku hanya berdiri di belakang Junainah dan matakku memandang ke lantai. Ustaz Mukhriz melihat surat itu seketika dan arahkan kami untuk duduk.

Kebiasaanya, aku akan duduk di hadapan supaya lebih mudah untuk aku memahami apa yang aku pelajari tetapi selepas hari itu, kerusi paling belakang mula menjadi kegemaranku. Sepanjang kelas, aku hanya diam dan jarang sekali aku mengangkat matakku ke arah Ustaz Mukhriz. Jauh sekali untuk senyum padanya. Aku lebih banyak menulis daripada bersuara. Apabila dia menyoal, aku tidak lagi menjawab seperti biasa. Aku lebih suka diam dan tidak mengendakkannya. Pelajar-pelajar lain juga diam seperti selalu. Kelas kami menjadi sangat senyap dan Ustaz Mukhriz tidak lagi membebel seperti dulu. Tiada lagi hilai tawa selepas itu. Sunyi dan terasing.

Ada juga terdetik di hatiku rasa kasihan melihatkan Ustaz Mukhriz seolah-olah mengajar sendirian kerana tiada siapa mempedulikannya. Dia masih lagi mengajukan soalan kepada kami, namun tiada jawapan dilontarkan kembali. Aku yakin rakan-rakan sekelasku pilih untuk diam kerana mereka takut. Takut untuk membuat salah dan takut dia akan marah lagi. Selepas peristiwa buku itu, aku pilih diriku dan perasaanku. Ini adalah caraku menunjukkan rasa protesku. Aku masuk kelas, duduk, buka buku dan salin nota. Begitulah aku sehingga berakhirnya semester itu. Ya, aku lulus kursus itu. Tidak cemerlang, tetapi tidak juga atas pagar. Secukup rasa.

Peristiwa di atas diceritakan oleh aku yang berusia 19 tahun. Namun kini pada usia 43 tahun, banyak yang aku telah pelajari dari insiden 'aku dan buku jenaka' itu. Aku yakin, dek kerana rasa kasih dan peduli terhadap pelajarnya, hati para guru lebih halus dan rapuh. Dalam ketegasan, mereka mengasihani. Dalam amarah, mereka menyayangi. Pelbagai rintangan dan cabaran mereka deretkan kerana mereka mahu juangkan satu bangsa yang teguh dan berjaya.

Kini aku juga seorang guru dan sesungguhnya kita tidak pernah membenci. Namun adalah menjadi satu pantang sekiranya adab di antara pelajar dan guru diperkotak-katikkan. Kita mampu bangun apabila tubuh terasa penat tetapi boleh jatuh terduduk apabila berdepan dengan dengan pelajar yang biadap dan sesat adabnya. Jadi, itulah yang aku terlepas pandang pada usiaku 19 tahun. Aku hanya pandai berkokok dan tidak kiralah kandang mana aku masuk, aku tetap mahu berkokok dengan bangganya! Sama seperti ayam jantan yang aku temui dalam buku itu.



Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810